

Persepsi Pelajar Terhadap Atribut Pekerjaan dan Implikasinya ke atas Pendidikan Universiti (Students' Perceptions on Employment Attributes and Their Implications on University Education)

USHA MALINI MANIAM & LIONG CHOONG YEUN

ABSTRAK

Globalisasi dan dunia ICT masa kini telah meningkatkan lagi permintaan terhadap tenaga buruh yang berkualiti. Majikan pada hari ini sudah tidak lagi berpegang kepada persepsi bahawa pengetahuan akademik semata-mata adalah mencukupi malah mereka telah menyarankan agar institusi pengajian tinggi dapat melahirkan siswazah yang mempunyai kemahiran boleh-pindah yang tinggi demi meningkatkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Saranan sedemikian kian mendapat tempat memandangkan statistik kebelakangan ini menunjukkan pengangguran di kalangan siswazah adalah semakin meningkat di negara ini. Makalah ini membincangkan persepsi pelajar tahun akhir Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap atribut pekerjaan dari segi kepentingannya dan tahap kemahiran atau keupayaan mereka sendiri. Kajian ini merangkumi pelajar jurusan sains dan sastera. Tahap kepuasan pelajar dari aspek program pengajian dan pengalaman di universiti secara keseluruhan turut dinilai. Seramai 200 orang pelajar prasiswazah tahun akhir telah dipilih secara pensampelan rawak berstratum dan data yang diperolehi diproses menggunakan kaedah-kaedah analisis min, ujian-t dan analisis varians. Keputusan analisis mendapati pelajar menilai tahap kepentingan kemahiran-kemahiran itu lebih tinggi daripada tahap kemahiran mereka sendiri dan terdapat perbezaan di antara tahap kemahiran daripada aspek jurusan, jantina, PNGK dan etnik. Pada keseluruhannya, pelajar didapati berpuas hati dengan program pengajian, pengalaman di universiti dan persediaan kerjaya masing-masing. Walau bagaimanapun, daripada hasil kajian ini terdapat beberapa aspek yang perlu diberi tumpuan terutamanya aspek sokongan dan bimbingan dari staf akademik dan pihak universiti dalam perancangan kerjaya pelajar serta penambahbaikan kemudahan pelajar.

Kata kunci: Pelajar; persepsi; pendidikan tinggi; keupayaan; kemahiran; Malaysia

ABSTRACT

Globalisation and the advancement in ICT has intensified the demand for quality workforce. Today, employers no longer perceive academic competence alone to be sufficient and began calling for higher education institutions to produce graduates with highly developed transferable skills. Such request gains more weight recently as latest statistics has shown that unemployment among graduates has risen steadily in this country. This paper discusses the perceptions of the final year students of Universiti Kebangsaan Malaysia (National University of Malaysia) on the importance of and their levels of competency in job attributes. This study covers both the students of the sciences and the arts streams. Besides that, the students' overall level of satisfaction on their courses and their university experiences as a whole is also assessed. A total of 200 final year undergraduate students have been sampled using stratified sampling and the data obtained were processed using analysis of the mean, t-test and analysis of variance. Results of the analyses showed that students tend to rate the importance of the skills more highly than their own ability and there are differences on levels of competency between gender, types of stream, GPA and ethnic groups. On the whole students tend to be satisfied with their programmes of studies and the university, and with the level of preparation for their future careers. However, the results show that some aspects need immediate attention particularly support and guidance from the academic staff and the university in terms of student's career planning and the improvement of the facilities provided.

Keywords: Students; perception; higher education; abilities; skills; Malaysia

PENGENALAN

Permintaan terhadap tenaga buruh yang berkualiti telah menjadi semakin kritikal dalam era globalisasi dan kemajuan teknologi yang pesat pada masa kini. Bagi memenuhi hasrat ini, kerajaan telah memberi tumpuan kepada bidang pendidikan dan latihan dalam pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang yang Ketiga (RRJP3

2001). Di antara ciri-ciri tenaga buruh yang berkualiti yang dititikberatkan adalah mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam, kemahiran berfikir yang tinggi, mempunyai kemampuan menggunakan teknologi dan bahan baru secara optimum serta menggabungkan daya cipta dan inovasi secara berkesan. Bagi merealisasikan objektif ini, tenaga buruh yang mempunyai kelayakan akademik dan

teknikal yang tinggi, kepelbagaian kemahiran dan pengetahuan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta nilai-nilai etika kerja yang positif perlu dibangunkan (RRJP3 2001). Sistem pendidikan dan latihan perlu diorientasikan semula dan industri pula perlu mempergiatkan latihan semula pekerja mereka bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan daya cipta supaya sepadan dengan kemajuan teknologi pengeluaran dan perkhidmatan untuk memenuhi hasrat tersebut. Berikutan itu, kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah disarankan untuk melaksanakan program yang menjurus kepada kerjaya di institusi pengajian tinggi (IPT). Ia adalah bagi menangani isu pengangguran siswazah yang dikaitkan dengan faktor tidak serasi antara penawaran dan tenaga kerja yang diperlukan oleh persekitaran ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi (Khairina Yasin 2004). Menurut akhbar harian *The Star* edisi 4 Julai 2006, statistik dari Kementerian Sumber Manusia menunjukkan terdapat seramai 20,217 orang siswazah yang menganggur di negara ini, merangkumi siswazah lulusan dalam dan luar negara (*The Star* 2006a). Bagaimanapun tiada diberikan kadar pengangguran mengikut kategori IPT, sebaliknya cuma pecahan peratusan daripada bilangan tersebut mengikut kategori sahaja yang disajikan.

Antara faktor-faktor yang dikenal pasti adalah siswazah lemah dalam penguasaan bahasa Inggeris dan tidak memahami keperluan majikan serta pekerjaan yang ditawarkan. Masalah ini telah menyebabkan majikan sukar mengambil mereka untuk bekerja walaupun terdapat banyak kekosongan. Justeru, kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan Program Latihan Siswazah Menganggur bagi membantu menangani isu pengangguran yang dihadapi oleh lebih 18,000 orang siswazah di negara ini (*Berita Harian* 2005). Program ini yang telah dilancarkan secara rasmi pada 25 November 2001, merupakan langkah jangka pendek kerajaan bagi mengatasi masalah siswazah menganggur di negara ini. Antara kursus-kursus yang ditawarkan dalam program ini termasuklah kursus bahasa Inggeris, kursus pembangunan siswazah dan kursus persijilan profesional dalam Linux, Microsoft dan aplikasi Cisco. Matlamat utama program adalah untuk memastikan siswazah terbabit memperoleh pekerjaan setelah tamat latihan. Sehingga tahun 2004, kerajaan telah membelanjakan lebih RM150 juta bagi melaksanakan program latihan semula siswazah (*New Straits Times* 2004). Sejak pelancarannya dalam tahun 2001 sehingga tahun 2005, seramai 37,412 orang siswazah telah berjaya mengikuti Program Latihan Siswazah Menganggur ini (*The Star* 2006b).

KONSEP DAN TAKRIFAN

PERANAN UNIVERSITI DALAM MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI

Pendidikan tertiar dalam konteks sistem pendidikan kebangsaan adalah pendidikan selepas pendidikan menengah hingga ke peringkat pendidikan tinggi. Pendidikan pada peringkat ini merangkumi program

pendidikan di kolej komuniti, politeknik, institusi latihan yang dikendalikan oleh agensi kerajaan dan swasta, universiti awam dan IPTS (PPendidikan 2000). Pendidikan tertiar merupakan pemangkin utama penajaan sumber tenaga manusia yang berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan bagi memenuhi keperluan mencapai wawasan negara. Ia juga harus berupaya membangunkan minda yang kritis, kreatif dan inovatif serta dapat memajukan masyarakat dan negara dalam persaingan global (PPendidikan 2000). Menurut Perangkaan Pendidikan 2004 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2004), enrolmen pelajar pada tahun 2004 di 17 buah IPTA adalah seramai 220,844 orang. Angka ini merupakan 7.93% daripada 2,785,800 populasi penduduk yang berumur 19-24 tahun (berdasarkan Banci Penduduk 2000). Situasi ekonomi yang semakin mencabar dalam era globalisasi pada hari ini telah memberi kesan yang mendalam kepada pelbagai bidang amnya dan bidang pendidikan khususnya. Justeru siswazah pada hari ini sudah tidak boleh lagi bergantung kepada pengetahuan akademik semata-mata malah juga memerlukan kemahiran yang dapat meningkatkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan (Fallows & Steven 2000a). Keadaan ini telah meningkatkan tekanan terhadap IPT dalam menawarkan kursus-kursus yang dapat melengkapkan para pelajar dengan kemahiran dan atribut pekerjaan yang diperlukan. Seringkali cabaran utama yang dihadapi oleh IPT ialah dalam pemilihan kemahiran di luar kurikulum akademik yang perlu diterapkan dalam proses pengajaran.

Menurut Nabi dan Bagley (1999), pendidikan di universiti semata-mata tidak boleh diharap untuk menyediakan para siswazah dengan kemahiran yang lengkap dan komprehensif sebagai persediaan ke alam pekerjaan. Ini adalah kerana kriteria pemilihan sesebuah organisasi berbeza di antara satu dengan yang lain dan ia akan kerap berubah berdasarkan keperluan pasaran tenaga buruh. Quek (2005) pula berpendapat skop pendidikan institusi pengajian tinggi di beberapa buah negara di Amerika, Eropah dan Asia-Pasifik termasuk Malaysia dikatakan terlalu menekankan soal pencapaian akademik pelajar dan kurikulum yang tidak menepati keperluan kerjaya.

Kurikulum peringkat universiti yang lebih menekankan kepada kejayaan akademik para pelajar dan bukan terhadap pembelajaran yang menjurus ke arah kerjaya mungkin merupakan antara punca mengapa siswazah gagal mengaplikasikan apa yang dipelajari di universiti (Quek 2005). Menurutnya lagi, kursus-kursus yang ditawarkan di IPT kurang memberi penekanan terhadap aspek latihan yang dapat memenuhi keperluan pekerjaan, dan seterusnya mengakibatkan masalah pengangguran di kalangan siswazah di Malaysia. Gush (1996) melalui kajian beliau mengenai penilaian peranan IPT di United Kingdom pula mendapati wujud jurang di antara keperluan majikan dan output pendidikan. Menurut beliau lagi, untuk memenuhi keperluan industri, IPT perlu berperanan dalam menyediakan subjek-subjek khusus dan kemahiran yang dapat memenuhi keperluan pekerjaan. Peranan lain

termasuklah memberi penekanan dalam perkembangan intelektual dan nilai-nilai peribadi melalui aktiviti ko-kurikulum di IPT.

ATRIBUT PEKERJAAN

Atribut-atribut yang relevan dan kritikal dalam sesuatu pekerjaan boleh dikategorikan kepada pengetahuan, kemahiran, kebolehan dan personaliti. Siswazah juga perlu mengetahui apa kehendak majikan dan apa yang boleh dilakukan bagi memenuhi kehendak tersebut (Moy & Lam 2004). Pengetahuan merangkumi kemahiran dari segi teknikal atau akademik (Falconer & Pettigrew 2003), atau berdasarkan teori saintifik yang berkaitan dengan sesuatu bidang pekerjaan itu (Jorgensen 2004). Kemahiran seringkali dirujuk sebagai kemahiran boleh pindah, iaitu kemahiran yang dibentuk dalam satu keadaan (pendidikan) yang akan juga menjadi penting apabila dipindahkan kepada situasi yang lain (pekerjaan) (Fallows & Steven 2000b). Menurut O'Brien (2000) pula, aspek kebolehan dalam konteks pendidikan merangkumi komunikasi (pembacaan, penulisan, kemahiran berkomputer), menganalisis (membuat perhubungan dan kesimpulan), mempunyai perspektif global (meneliti sesuatu isu dengan menggunakan pelbagai perspektif), kebolehan penyelesaian masalah (mendefinisi dan membuat keputusan tentang sesuatu masalah), keanggotaan yang berkesan, iaitu dapat mengenal pasti struktur organisasi untuk mencapai sesuatu tujuan, membuat penilaian dalam konteks membuat keputusan (dapat mengaitkan aspek nilai terhadap pembangunan saintifik dan teknologi), interaksi sosial (menganalisis dan membuat penilaian ke atas diri sendiri dan kumpulan) dan maklum balas astetik (membuat atau mempertahankan keputusan yang kualitatif).

KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN OLEH SISWAZAH

Dalam konteks pendidikan, terdapat beberapa istilah 'kemahiran' yang biasa digunakan. Antaranya adalah kemahiran boleh-pindah (transferable skills), kompetensi diri (personal competence), kebolehan (capabilities), kemahiran teras (core skills), kemahiran utama (key skills), kemahiran asas (common skills), kompetensi umum (generic competence) dan *soft skill* (Holmes 1995; Utusan Malaysia 2006). Perkataan 'kemahiran' pada amnya tidak mempunyai definisi yang khusus yang boleh diaplikasikan di dalam semua keadaan (Fallows & Steven 2000b). Menurut mereka lagi, walaupun tiada satu definisi yang boleh diterima secara universal, terdapat beberapa terminologi yang biasa digunakan, dan ini termasuklah:

- kemahiran boleh-pindah, iaitu kemahiran yang dibentuk dalam satu keadaan (pendidikan) yang akan juga menjadi penting apabila dipindahkan kepada situasi yang lain (pekerjaan);
- kemahiran utama, iaitu kemahiran yang dapat membantu (membuka pintu) dalam mendapatkan pekerjaan;

- kemahiran asas, iaitu kemahiran yang berbentuk universal yang relevan kepada setiap pelajar tidak kira apa disiplin pengajiannya dan boleh didemonstrasikan dalam semua program; dan
- kemahiran teras, iaitu kemahiran yang harus diberi tumpuan kepada pelajar melalui pengalaman mereka di universiti.

Menurut Raybould dan Sheedy (2005), penekanan terhadap aspek kemahiran yang diperlukan oleh majikan bergantung kepada jenis pekerjaan yang akan dijalankan di dalam organisasi. Kemahiran teras memainkan peranan yang penting dalam menentukan peluang mendapatkan pekerjaan para siswazah sama ada di dalam organisasi yang besar, kecil atau sederhana (Stewart & Knowles 2000). Menurut kajian awal mereka ke atas syarikat kecil dan sederhana di United Kingdom, antara kemahiran yang diberi penekanan adalah kemahiran komunikasi dan pengurusan, kerja berpasukan, pengetahuan, mempunyai idea dan keupayaan untuk belajar. Kajian oleh Yano (1997) ke atas 196 majikan di Jepun pula mendapati kualiti personal yang diperlukan oleh siswazah berbeza berdasarkan industri yang terlibat. Sebagai contoh, dalam industri pembuatan, 'kemahiran berkomunikasi' dan 'kejujuran' merupakan dua kualiti yang terpenting manakala firma kewangan pula menekankan aspek 'tanggungjawab' dan 'keusahawanan'.

Dalam konteks Malaysia, menurut Malhi dan Reasoner (1996), kandungan dan sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan tidak memberi tumpuan yang sewajarnya terhadap pembangunan kemahiran sosial pelajar. Kebanyakan universiti di dunia pada masa kini telah memberi tumpuan dalam membentuk siswazah yang mempunyai pengetahuan tentang disiplin masing-masing serta *soft skill*. Menurut mereka, *soft skill* adalah sangat penting ke arah meningkatkan peluang siswazah untuk mendapatkan pekerjaan.

TATAKAEDAH KAJIAN

Kajian dijalankan menggunakan borang soal selidik dengan skala Likert tujuh-titik. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Di dalam bahagian A, responden diperlukan untuk melengkapkan maklumat demografi yang terdiri dari jantina, kumpulan etnik, nama program, fakulti, semester dan PNGK. Seterusnya dalam bahagian B responden diminta membuat penilaian terhadap tahap kepentingan dan tahap kemahiran dirinya terhadap setiap sub-kriteria kemahiran. Di dalam Bahagian C pula adalah tentang penilaian tahap kepuasan terhadap program dan persediaan kerjaya pelajar. Responden diminta menilai tahap persetujuan terhadap sepuluh pernyataan mengenai aspek program dan pengalaman di universiti secara keseluruhan.

Sampel kajian terdiri dari pelajar-pelajar sarjana muda tahun akhir di Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM), Fakulti Ekonomi

dan Perniagaan (FEP) dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK). Pelajar-pelajar dari FST dan FTSM mewakili jurusan sains manakala pelajar-pelajar dari FEP dan FSSK pula jurusan sastera. Nisbah sampel mengikut fakulti yang digunakan di dalam kajian ini diambil agak serupa dengan nisbah populasi mengikut jantina di fakulti-fakulti tersebut. Kaedah pengumpulan data yang dipilih dalam kajian ini ialah melalui pengedaran borang soal selidik di kalangan pelajar sarjana muda tahun akhir di FST, FTSM, FEP dan FSSK. Seramai 200 orang responden telah dipilih secara pensampelan rawak berstratum mengikut nisbah lelaki perempuan dalam populasi kajian. Ujian rintis telah dijalankan sebelum borang soal selidik diedarkan demi memastikan ketepatan maklumat yang ingin disampaikan. Data yang diperoleh dari hasil soal selidik ini telah dianalisis menggunakan pakej SPSS. Analisis- analisis yang telah dilakukan adalah ujian kebolehppercayaan, analisis min, taburan kekerapan, ujian-*t* dan analisis varian (ANOVA).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Daripada sampel kajian yang terdiri daripada 200 orang pelajar, responden lelaki terdiri daripada 60 orang (30.0%) dan responden perempuan terdiri daripada 140 orang (70.0%). Nilai peratusan yang diperoleh adalah hampir sama dengan nilai peratusan lelaki dan perempuan di dalam populasi kajian. Populasi kajian yang terdiri dari pelajar-pelajar tahun akhir dari FST, FTSM, FEP dan FSSK adalah seramai 3,603 orang dengan 1,096 orang adalah pelajar lelaki dan 2,507 orang adalah pelajar perempuan yang masing-masing mewakili 30.4% dan 69.6%.

Seterusnya, analisis kebolehppercayaan ke atas instrumen kajian menggunakan nilai alfa Cronbach dilakukan. Pada umumnya nilai alfa yang sama atau kurang daripada 0.6 menunjukkan kebolehppercayaan kekonsistenan dalaman instrumen kajian adalah tidak memuaskan (Malhotra 2004). Merujuk kepada Jadual 1, dapat dirumuskan bahawa instrumen kajian yang digunakan adalah boleh dipercayai bagi ketiga-tiga jenis skala pengukuran yang digunakan kerana nilai alfa yang diperoleh adalah jauh lebih besar daripada 0.6.

ANALISIS MIN TERHADAP KEPENTINGAN DAN TAHAP KEMAHIRAN BOLEH-PINDAH

Jadual 2 menunjukkan min skor persepsi bagi keseluruhan responden terhadap tahap kepentingan dan tahap kemahiran boleh-pindah. Pada amnya, responden menilai

kepentingan setiap kemahiran boleh-pindah itu lebih tinggi daripada tahap kemahiran mereka sendiri. Keputusan yang diperoleh konsisten dengan kajian lepas yang menggunakan metodologi yang sama di United Kingdom (Nabi & Bagley 1999) dan di Jepun (Nguyen et al. 2005). Daripada keputusan analisis min dapat disimpulkan bahawa responden bukan sahaja sedar tentang kepentingan setiap atribut kemahiran yang disenaraikan, mereka juga telah mengenal pasti kekurangan dari segi tahap kemahiran sendiri, iaitu tahap kemahiran atau keupayaan relatif mereka terhadap setiap kemahiran tersebut. Keputusan ini membawa implikasi bahawa para responden mempunyai persepsi bahawa kemahiran boleh-pindah merupakan aset penting bagi kerjaya mereka di masa hadapan. Pada masa yang sama pelajar ini juga sedar mereka kurang dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan dalam memenuhi keperluan industri. Oleh itu, pada umumnya beberapa langkah perlu diambil untuk meningkatkan tahap kemahiran pelajar terutamanya dari segi kurikulum akademik dan kaedah pengajaran yang menjurus kepada perkembangan kerjaya (Nguyen et al. 2005).

Penemuan ini juga telah memperkukuhkan lagi pandangan pihak majikan dan literasi pendidikan tentang kerjaya di Malaysia mengenai kepincangan kemahiran di kalangan siswazah dan supaya tahap kemahiran ini dipertingkatkan. Pada amnya, tahap kepentingan kesemua atribut kemahiran telah dinilai sebagai sekurang-kurangnya 'penting', iaitu dengan kesemua skor min kepentingan melebihi 4.0. Sifat bertanggungjawab didapati mempunyai skor min kepentingan yang tertinggi, iaitu 6.36 manakala kemahiran untuk bekerja tanpa penyeliaan mempunyai skor min yang terendah, iaitu 5.18. Keputusan yang diperoleh ini mempunyai perbezaan yang ketara dari segi kepentingan kemahiran bekerja tanpa penyeliaan jika dibandingkan dengan kajian yang dijalankan di United Kingdom oleh Nabi dan Bagley (1999), di mana ia dinilai sebagai terpenting secara relatifnya di sana tetapi terendah di sini.

Daripada analisis min bagi tahap kemahiran pula mendapati kemahiran untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris mempunyai skor min kemahiran yang terendah, iaitu 4.34, manakala sifat jujur sebagai kualiti yang terbaik dengan skor min kemahiran 5.70. Keputusan ini mencadangkan supaya langkah-langkah yang agresif perlu diambil bagi menambah baik tahap kemahiran berbahasa Inggeris di kalangan bakal siswazah. Kelemahan menguasai bahasa Inggeris perlu diatasi bagi memudahkan bakal siswazah diterima dalam pasaran kerja semasa.

JADUAL 1. Nilai pekali kebolehppercayaan alfa Cronbach bagi setiap skala pengukuran

Skala Pengukuran	Nilai alfa
Tahap kepentingan kemahiran	0.9117
Tahap kemahiran sendiri	0.9170
Tahap kepuasan program dan persediaan kerjaya	0.9289

JADUAL 2. Min skor dan sisihan piawai persepsi keseluruhan responden terhadap tahap kepentingan dan tahap kemahiran boleh-pindah sendiri

Kemahiran	Min (kepentingan)	Sisihan piawai	Min (tahap kemahiran)	Sisihan piawai
Komunikasi dalam B.Inggeris	6.12	1.062	4.34	1.048
Motivasi	5.93	0.905	4.98	0.871
Kepimpinan	5.88	0.922	4.82	0.991
Kerja berpasukan	6.03	0.902	5.26	1.070
Bertanggungjawab	6.36	0.832	5.59	0.984
Bekerja tanpa penyeliaan	5.18	1.448	4.75	1.103
Boleh diharap	5.97	0.929	5.47	1.032
Jujur	6.25	0.959	5.70	0.982
Berfikir secara analitikal	5.84	1.000	4.95	1.038
Berfikir secara kreatif	5.93	0.992	4.95	1.083
Penyelesaian masalah	6.12	0.916	4.94	1.018
Pengurusan masa	6.27	0.899	5.09	1.057
Perancangan yang berkesan	6.19	0.915	4.87	1.014
Pemikiran strategik	5.88	1.015	4.81	0.993
Kemahiran bertulis	5.38	1.213	4.73	1.165
Kemahiran penyelidikan	5.57	1.234	4.72	1.075
Kemahiran kewangan	5.26	1.187	4.68	1.172
Kemahiran komputer	6.05	0.965	5.14	1.023
Pemahaman global	5.57	1.073	4.73	1.021
Anjal	5.54	1.065	5.02	1.017
Menerima perubahan	5.76	0.959	5.17	1.054
Bekerja di bawah pengaruh tekanan	5.54	1.251	4.88	1.137
Bertindak secara kreatif	5.84	0.988	4.87	1.100

JADUAL 3. Perbandingan tahap kemahiran boleh-pindah antara pelajar lelaki dan perempuan

Kemahiran	Lelaki		Perempuan		Nilai-p
	Min	s.p	Min	s.p	
Kepimpinan	5.03	1.041	4.73	0.958	0.046*
Pemikiran strategik	5.03	1.134	4.72	0.914	0.041*
Kemahiran kewangan	4.95	1.307	4.56	1.094	0.033*
Pemahaman global	5.03	1.041	4.60	0.988	0.006*
Bertindak secara kreatif bila berlaku masalah	5.15	1.071	4.76	1.094	0.018*
Komunikasi dalam B.Inggeris	4.48	1.066	4.27	1.038	0.191
Motivasi	5.07	0.880	4.94	0.867	0.331
Kerja Berpasukan	5.35	1.191	5.21	1.016	0.797
Bertanggungjawab	5.57	1.125	5.59	0.921	0.274
Bekerja tanpa penyeliaan	4.83	1.092	4.71	1.109	0.462
Boleh diharap	5.38	1.180	5.51	0.963	0.190
Jujur	5.55	0.982	5.76	0.979	0.158
Berfikir secara analitikal	5.07	1.087	4.91	1.017	0.321
Berfikir secara kreatif	5.03	1.178	4.91	1.042	0.478
Penyelesaian masalah	5.00	1.150	4.92	0.960	0.618
Pengurusan masa	5.12	1.166	5.08	1.011	0.816
Perancangan yang berkesan	4.93	1.087	4.84	0.984	0.564
Kemahiran bertulis	4.77	1.320	4.71	1.096	0.741
Kemahiran penyelidikan	4.88	1.166	4.66	1.030	0.173
Kemahiran menggunakan komputer	5.27	1.071	5.09	1.00	0.252
Anjal	5.20	1.102	4.94	0.973	0.102
Menerima perubahan	5.15	1.162	5.19	1.008	0.827
Boleh bekerja di bawah pengaruh tekanan	4.97	1.193	4.84	1.114	0.482

* Perbezaan skor min signifikan pada aras keertian 0.05; s.p. = sisihan piawai

PERBEZAAN DARI SEGI JANTINA TERHADAP TAHAP
KEMAHIRAN

Jadual 3 menunjukkan perbandingan tahap kemahiran boleh-pindah di antara pelajar lelaki dan perempuan. Berdasarkan statistik tersebut pelajar lelaki amnya menilai sebahagian besar dari tahap kemahiran mereka sebagai lebih tinggi jika dibandingkan dengan pelajar perempuan kecuali terhadap kemahiran bertanggungjawab, boleh diharap, jujur dan menerima perubahan. Kemahiran yang mempunyai skor min kemahiran tertinggi bagi pelajar perempuan ialah sifat jujur (5.76) dan bagi pelajar lelaki pula adalah sifat bertanggungjawab (5.57). Skor min yang paling rendah bagi kedua-dua kumpulan pelajar lelaki dan perempuan adalah kemahiran berkomunikasi secara berkesan dalam bahasa Inggeris, iaitu dengan skor min tahap kemahiran 4.48 dan 4.27 masing-masing.

Analisis selanjutnya menggunakan ujian-*t* mendapati persepsi terhadap aspek tahap kemahiran adalah lebih tinggi secara signifikan bagi pelajar lelaki berbanding dengan pelajar perempuan untuk beberapa kemahiran yang khusus. Ini termasuk kemahiran kepimpinan, pemikiran strategik, kemahiran kewangan, pemahaman global dan kemahiran untuk bertindak secara kreatif apabila berlaku sebarang masalah. Keputusan ini mencadangkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan mempunyai persepsi yang berbeza terhadap tahap kemahiran masing-masing. Ini boleh ditafsirkan sebagai mencadangkan bahawa perkembangan beberapa kemahiran boleh-pindah mungkin dipengaruhi oleh faktor jantina.

Berdasarkan teori peranan-sosial, kaum wanita dipercayai memiliki kepercayaan dan tingkah laku yang mempunyai ciri-ciri komunal seperti mengambil berat, sensitif terhadap aspek interpersonal dan beremosi, manakala kaum lelaki pula memiliki ciri-ciri *agentik* seperti bercita-cita, berpendirian tegas, mempunyai kawalan dan tidak bergantung kepada orang lain (Wood & Lindorff 2001). Ini mungkin dapat menerangkan tentang tahap kemahiran pelajar lelaki yang lebih dominan terhadap aspek kepimpinan dan pemikiran strategik. Pelajar lelaki juga merasakan mereka mempunyai kemahiran kewangan dan kemahiran untuk bertindak secara kreatif bila berlaku sebarang masalah yang lebih tinggi. Keputusan ini turut selaras dengan pendapat Weiten (2002) yang mencadangkan aspek keupayaan kognitif, secara purata mendapati kaum perempuan lebih cenderung memperlihatkan kemahiran lisan yang lebih baik

berbanding kaum lelaki, manakala kaum lelaki didapati mempunyai kelebihan dalam keupayaan matematik dan *visual-reruang*.

PERBEZAAN DARI SEGI JURUSAN TERHADAP
TAHAP KEMAHIRAN

Perbandingan di antara jurusan terhadap aspek tahap kemahiran mendapati terdapat hanya dua jenis kemahiran yang mempunyai perbezaan yang signifikan di antara pelajar-pelajar dari jurusan sains dan sastera, iaitu kemahiran berkomunikasi secara berkesan dalam bahasa Inggeris dan kemahiran bertulis. Dalam menilai tahap kemahiran diri, pelajar dari jurusan sains didapati lebih yakin dalam kemahiran berkomunikasi secara berkesan dalam bahasa Inggeris berbanding pelajar dari jurusan sastera, manakala pelajar dari jurusan sastera pula didapati lebih yakin dalam kemahiran bertulis berbanding pelajar jurusan sains. Pelajar-pelajar dari jurusan sains mungkin menggunakan bahasa Inggeris lebih kerap semasa proses pembelajaran atau perbualan menyebabkan mereka lebih yakin berbanding pelajar jurusan sastera. Dari aspek kemahiran bertulis pula, kurikulum jurusan sastera yang mungkin menekankan aspek kemahiran penulisan berbanding jurusan sains yang lebih bersifat penyelidikan mungkin merupakan antara faktor yang dapat menerangkan perbezaan tersebut (Jadual 4).

PERBEZAAN DARI SEGI PNGK TERHADAP
TAHAP KEMAHIRAN

Jadual 5 menunjukkan keputusan analisis varians tentang kesan persepsi pelajar yang mempunyai PNGK yang berbeza terhadap tahap kemahiran. Didapati pelajar-pelajar yang mempunyai PNGK yang berbeza mempunyai tahap kemahiran yang berbeza secara signifikan terhadap aspek kemahiran berikut: bekerja tanpa penyeliaan, boleh diharap, kemahiran penyelidikan dan kemahiran kewangan. Kemahiran-kemahiran lain didapati tidak berbeza secara signifikan. Keputusan kajian mempunyai implikasi bahawa, berdasarkan nilai min skor kemahiran, sungguhpun pelajar dengan PNGK melebihi 3.50 mempunyai keputusan akademik yang cemerlang, namun pelajar-pelajar ini kelihatannya kurang yakin untuk bekerja tanpa penyeliaan berbanding dengan pelajar yang memperoleh PNGK 3.00-3.50. Mereka lebih cenderung di dalam kemahiran yang lebih bersifat intelektual dan

JADUAL 4. Perbandingan tahap kemahiran boleh-pindah antara pelajar jurusan sains dan sastera

Kemahiran	Sains		Sastera		Nilai- <i>p</i>
	Min	s.p	Min	s.p	
Komunikasi dalam B. Ing	4.62	1.018	4.01	0.989	0.000*
Kemahiran bertulis	4.50	1.259	4.98	0.994	0.003*

* Perbezaan skor min signifikan pada aras keertian 0.05; s.p = sisihan piawai

JADUAL 5. Perbezaan dari aspek PNGK terhadap tahap kemahiran

Kemahiran	PNGK >3.50 (A)	PNGK 3.00-3.50 (B)	PNGK 2.50-2.99 (C)	PNGK < 2.50 (D)	F	Nilai- <i>p</i> (ANOVA)	Ujian Post Hoc	Nilai- <i>p</i> (Post Hoc)
Bekerja tanpa penyeliaan	4.13	4.89	4.64	3.00	3.501	0.016*	B > D C > D	0.015* 0.036*
Boleh diharap	5.25	5.63	5.23	6.00	2.735	0.045*	B > C	0.008*
Kemahiran penyelidikan	5.13	4.90	4.43	4.50	3.411	0.019*	B > C	0.003*
Kemahiran kewangan	5.00	4.90	4.31	4.50	4.364	0.005*	B > C	0.001*

* Perbezaan skor min yang signifikan pada aras keertian 0.05

JADUAL 6. Perbezaan dari aspek kumpulan etnik terhadap tahap kemahiran

Kemahiran	M	C	I	L	Nilai <i>F</i>	Nilai- <i>p</i> (ANOVA)	Ujian Post Hoc	Nilai- <i>p</i> (Post Hoc)
Komunikasi dalam B.Inggeris	4.13	4.17	5.50	4.25	7.077	0.000*	C > M I > M	0.000* 0.001*
Kerja berpasukan	5.35	4.91	5.83	6.00	3.623	0.014*	M > C I > C L > C	0.010* 0.042* 0.046*
Bekerja tanpa penyeliaan	4.66	4.82	5.00	6.25	3.033	0.030*	L > M L > C	0.004* 0.012*
Berfikir secara analitikal	5.03	4.67	5.17	6.00	3.117	0.027*	L > C M > C	0.013* 0.030*
Pemikiran strategik	4.84	4.64	4.83	6.25	3.551	0.051*	L > M L > C L > I	0.005* 0.002* 0.025*
Kemahiran bertulis	4.84	4.33	5.33	5.25	3.561	0.051*	M > C I > C	0.005* 0.042*

* Perbezaan skor min yang signifikan pada aras keertian 0.05

Nota: M: Melayu, C: Cina, I: India, L: Lain-lain kaum

praktikal berbanding kemahiran yang bersifat personal. Kumpulan pelajar yang memperoleh PNGK 3.00-3.50 pula merupakan kumpulan pelajar yang lebih yakin terhadap tahap kemahiran mereka dalam keempat-empat aspek kemahiran yang berbeza secara signifikan berbanding kumpulan pelajar dari PNGK yang lebih rendah. Dengan kata lain, ujian post-hoc menampakkan kesignifikanan tahap kemahiran kumpulan pelajar ini berbanding dengan kumpulan-kumpulan dengan PNGK yang lebih rendah, tetapi tidak sedemikian bagi kumpulan pelajar dengan PNGK melebihi 3.50.

Pelajar-pelajar yang lemah, iaitu PNGK kurang daripada 2.50 pula jelas menunjukkan tahap keyakinan yang kurang untuk bekerja tanpa penyeliaan. Ini mungkin didorong oleh faktor keputusan PNGK yang tidak memuaskan yang menyebabkan mereka berasa kurang yakin dan tidak bersedia untuk bekerja tanpa penyeliaan. Namun begitu pelajar-pelajar ini berpendapat mereka boleh diharap jika diberi peluang untuk melakukan sesuatu pekerjaan. Kumpulan pelajar yang mempunyai PNGK 2.50-2.99, walaupun tiada perbezaan yang ketara dari segi tahap

keupayaan kemahiran tetapi didapati tahap kemahiran untuk bekerja tanpa penyeliaan adalah lebih tinggi berbanding pelajar yang mempunyai PNGK melebihi 3.50, manakala kemahiran boleh diharap pula didapati hampir sama dengan kumpulan pelajar tersebut. Ini mencadangkan bahawa pelajar dari kumpulan ini mampu bersaing walaupun tidak begitu cemerlang dalam bidang akademik, sekiranya diberikan pendedahan terhadap perkembangan kerjaya yang sewajarnya.

PERBEZAAN DARI SEGI KUMPULAN ETNIK TERHADAP TAHAP KEMAHIRAN

Analisis varians terhadap kesan persepsi pelajar daripada kumpulan etnik yang berbeza terhadap tahap kemahiran mendapati pelajar-pelajar dari kumpulan etnik yang berbeza mempunyai tahap keupayaan yang berbeza terhadap aspek kemahiran berikut: berkomunikasi secara berkesan dalam bahasa Inggeris, bekerja berpasukan, bekerja tanpa penyeliaan, berfikir secara analitikal, pemikiran strategik dan kemahiran bertulis seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6. Kemahiran-kemahiran lain

didapati tidak berbeza secara signifikan. Pada keseluruhannya, kumpulan etnik yang terdiri daripada lain-lain bangsa (yang terdiri dari kaum Murut dan Iban) lebih yakin tentang tahap keupayaan mereka dalam kemahiran untuk bekerja secara berpasukan, bekerja tanpa penyeliaan, berfikir secara analitikal dan pemikiran strategik. Manakala pelajar-pelajar berbangsa India didapati menilai tahap keupayaan mereka lebih tinggi dalam kemahiran untuk berkomunikasi secara berkesan dalam bahasa Inggeris dan kemahiran bertulis berbanding kumpulan etnik lain.

Analisis deskriptif keputusan PNGK terhadap keempat-empat kumpulan etnik yang dikaji mendapati majoriti responden memperoleh PNGK di antara 2.50-3.50, di mana pelajar Melayu adalah seramai 94.8% (128 orang), pelajar Cina 92.7% (52 orang), pelajar India 100% (6 orang) dan lain-lain kaum 100% (4 orang). Ini menunjukkan perbandingan tahap kemahiran pelajar adalah berdasarkan tahap pencapaian akademik yang hampir sama secara relatif di antara keempat-empat kumpulan etnik jika kumpulan ini yang dipertimbangkan. Berdasarkan keputusan ujian ANAVA terhadap kumpulan ini, perbezaan yang signifikan diperoleh terhadap aspek kemahiran yang sama, iaitu kemahiran berkomunikasi secara berkesan dalam bahasa Inggeris, kerja berpasukan, bekerja tanpa penyeliaan, berfikir secara analitikal, pemikiran strategik dan kemahiran bertulis. Nilai skor min bagi setiap etnik, serta perbandingan post hoc bagi kumpulan etnik turut diberikan dalam Jadual 6.

TAHAP KEPUASAN PROGRAM DAN PERSEDIAAN KERJAYA

Bahagian akhir kajian menyentuh tentang aspek tahap kepuasan program dan persediaan kerjaya pelajar serta tahap keyakinan pelajar untuk mendapatkan pekerjaan. Ujian-*t* satu sampel dijalankan untuk menguji sama ada skor min bagi setiap pernyataan tentang tahap kepuasan

program dan persediaan kerjaya melebihi nilai min 4.0, iaitu nilai neutral dalam skala Likert tujuh-titik. Keputusan ujian-*t* menunjukkan skor min bagi sampel kajian seramai 200 orang pelajar tersebut bagi setiap pernyataan didapati adalah lebih tinggi secara signifikan pada aras keertian 0.05 daripada nilai ujian 4.0. Hasil ujian-*t* tersebut ditunjukkan dalam Jadual 7 di bawah dan ini membawa maksud bahawa para pelajar secara umumnya adalah berpuas hati dengan program pengajian masing-masing. Jika diteliti skor min kepuasan dan selang keyakinan 95% perbezaan min daripada skor kepuasan neutral, didapati pelajar merasakan mereka bangga menjadi pelajar di universiti ini (S10) merupakan aspek yang paling memuaskan, diikuti oleh pilihan program pengajian mereka (S1), serta merasakan program pengajian mereka suatu pengalaman sosial yang menyeronokkan (S5). Manakala aspek staf akademik mengambil berat tentang diri mereka sebagai pelajar (S8), universiti memberikan layanan yang terbaik (S7) dan staf akademik banyak membantu dalam perancangan kerjaya (S2) merupakan antara aspek yang mendapat skor kepuasan yang lebih rendah secara relatifnya, walaupun pada umumnya pelajar adalah berpuas hati dengan semua aspek program pengajian dan pengalaman mereka di universiti.

Analisis deskriptif terhadap tahap keyakinan pelajar untuk mendapatkan pekerjaan berdasarkan jurusan didapati, daripada sampel kajian pelajar jurusan sains seramai 106 orang, 78.3% atau 83 orang didapati yakin untuk mendapatkan pekerjaan dan 21.7% atau 23 orang pula tidak pasti. Manakala bagi sampel kajian pelajar jurusan sastera seramai 94 orang pula, 64.9% atau 61 orang didapati yakin untuk mendapatkan pekerjaan dan 35.1% atau 33 orang pula tidak pasti. Perbandingan di antara kumpulan pelajar yang yakin dan yang tidak pasti untuk mendapatkan pekerjaan terhadap tahap kemahiran dibuat menggunakan ujian-*t* dan hasilnya diringkaskan dalam Jadual 8. Didapati perbezaan min yang signifikan diperoleh

JADUAL 7. Ujian-*t* satu sampel bagi setiap pernyataan analisis tentang tahap kepuasan program dan persediaan kerjaya

Pernyataan	Nilai Ujian = 4.0					
	Nilai- <i>t</i>	dk	Nilai- <i>p</i>	Perbezaan Min	Selang Keyakinan 95%	
S1: gembira memilih program	14.928	199	0.000*	1.45	(1.25, 1.64)	
S2: staf akademik banyak membantu dalam perancangan kerjaya	3.749	199	0.000*	0.395	(0.18, 0.60)	
S3: program memenuhi kehendak	8.791	199	0.000*	0.91	(0.70, 1.11)	
S4: kemahiran yang diperoleh membantu pada masa hadapan	11.441	199	0.000*	1.17	(0.96, 1.37)	
S5: program ini suatu pengalaman sosial yang menyeronokkan	13.252	199	0.000*	1.18	(1.00, 1.35)	
S6: program telah menyediakan saya untuk kerjaya pada masa hadapan	11.501	199	0.000*	1.16	(0.96, 1.35)	
S7: universiti memberi layanan yang terbaik	4.241	199	0.000*	0.43	(0.23, 0.62)	
S8: staf akademik mengambil berat tentang diri saya sebagai pelajar	2.041	199	0.043*	0.22	(0.01, 0.43)	
S9: kualiti pengajaran adalah yang terbaik	6.706	199	0.000*	0.685	(0.48, 0.88)	
S10: bangga menjadi pelajar di universiti ini	16.387	199	0.000*	1.65	(1.45, 1.84)	

* Perbezaan skor min yang signifikan pada aras keertian 0.05

JADUAL 8. Perbandingan dari segi tahap keyakinan mendapat pekerjaan dan penilaian terhadap tahap kemahiran boleh-pindah

Kemahiran	Yakin		Tidak Pasti		Nilai- <i>p</i>
	Min	s.p	Min	s.p	
Komunikasi dalam B.Inggeris	4.43	1.055	4.07	0.997	0.031*
Pemikiran strategik	4.96	0.938	4.51	0.940	0.003*
Kemahiran kewangan	4.78	1.131	4.38	1.209	0.031*

* Perbezaan skor min yang signifikan pada aras keertian 0.05

bagi kemahiran-kemahiran berikut: berkomunikasi secara berkesan dalam bahasa Inggeris, pemikiran strategik dan kemahiran kewangan. Keputusan ini mempunyai implikasi bahawa kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris jelas merupakan antara pendorong utama dalam meningkatkan keyakinan pelajar untuk mendapatkan pekerjaan. Justeru, adalah dirasakan pihak universiti perlu mengambil langkah-langkah yang lebih pro-aktif supaya kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris oleh para pelajar dapat ditingkatkan.

Antara sebab-sebab yang diberikan oleh pelajar-pelajar yang didapati tidak mempunyai keyakinan untuk mendapat pekerjaan adalah seperti berikut:

- persaingan dengan siswazah dari IPT lain untuk mendapatkan pekerjaan;
- keputusan akademik yang kurang memuaskan;
- peluang kerja yang terhad disebabkan oleh terlalu ramai siswazah;
- program yang diambil tidak menepati kehendak pasaran;
- tidak pasti dengan keadaan ekonomi negara;
- kurang yakin tentang peluang untuk mendapatkan pekerjaan melalui program yang diambil.

Pada bahagian akhir instrumen kajian, responden diberi peluang untuk memberikan pandangan dan komen tentang sebarang penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pihak universiti. Daripada sampel kajian yang diambil, 104 orang responden telah memberikan cadangan berdasarkan pengalaman mereka di universiti. Respons berbentuk kualitatif ini boleh dikategorikan kepada lima faktor utama seperti berikut:

- memperbaiki dan meningkatkan kemudahan infrastruktur dan kebajikan bagi para pelajar (43 komen);
- meluaskan penggunaan bahasa Inggeris di universiti (10 komen);
- program dan kursus yang ditawarkan dapat meningkatkan kemahiran diri dan memenuhi kehendak pasaran (25 komen);
- tenaga pengajar yang berkualiti dan berpengalaman (16 komen); dan
- memperbanyakkan pembelajaran secara praktikal daripada teori (10 komen).

Keputusan kajian menunjukkan bahawa para pelajar tidak berpuas hati dengan kemudahan infrastruktur yang disediakan serta kursus-kursus yang ditawarkan perlu memenuhi kehendak pasaran semasa. Antara kemudahan infrastruktur dan kebajikan pelajar yang dimaksudkan adalah seperti tempat meletak kenderaan, bilik kuliah, komputer, pengangkutan, alat bantuan mengajar dan bahan rujukan di perpustakaan. Para pelajar juga inginkan lebih banyak kursus yang dapat mengembangkan kemahiran yang dapat meningkatkan peluang pekerjaan bukan sekadar berbentuk teori sahaja. Di samping itu pelajar juga sedar akan kepentingan bahasa Inggeris dan berharap penggunaannya diperluaskan dan digalakkan di universiti. Tenaga pengajar yang berkualiti dan berpengalaman diperlukan dalam usaha untuk melahirkan siswazah yang dinamik dan berpengetahuan.

KESIMPULAN

Kemahiran boleh-pindah adalah penting dalam membolehkan pemindahan proses pembelajaran tertiar ke tempat kerja berlaku. Dalam konteks Malaysia, IPT mungkin perlu mempertimbangkan perkembangan kemahiran boleh-pindah di kalangan pelajar supaya dapat memenuhi permintaan pasaran kerja yang sentiasa berubah. Ini adalah kerana wujudnya 'jurang kemahiran' di antara majikan dan siswazah di mana tahap kemahiran siswazah tidak memenuhi jangkaan majikan dan keperluan pasaran buruh. Sebahagian besar dari syarikat kini tidak lagi mempunyai persepsi bahawa kecemerlangan akademik semata-mata adalah mencukupi dan berkehendakkan IPT melahirkan lebih ramai siswazah yang mempunyai tahap perkembangan kemahiran boleh-pindah yang tinggi (Dickinson 2000). Kajian dijalankan untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap kemahiran boleh-pindah dan implikasi ke atas pendidikan di universiti.

Analisis min terhadap penilaian tahap kepentingan dan tahap kemahiran boleh-pindah mendapati pelajar menilai tahap kepentingan lebih tinggi daripada tahap kemahiran mereka sendiri. Analisis perbezaan dari aspek jantina terhadap tahap kemahiran boleh-pindah mendapati terdapat perbezaan di antara penilaian tahap keupayaan oleh pelajar lelaki dan perempuan. Perbandingan tahap kemahiran boleh-pindah bagi jurusan sains dan sastera menunjukkan perbezaan min yang signifikan pada aras keertian 0.05

adalah terhadap kemahiran berkomunikasi secara berkesan dalam bahasa Inggeris dan kemahiran bertulis. Perbandingan dari aspek PNGK menunjukkan terdapat perbezaan dari segi tahap kemahiran di antara pelajar-pelajar yang memperoleh PNGK yang berbeza, iaitu terhadap kemahiran untuk bekerja tanpa penyeliaan, boleh diharap, kemahiran penyelidikan dan kemahiran kewangan. Pelajar dari kumpulan etnik yang berbeza pula didapati mempunyai tahap keupayaan kemahiran yang berbeza, iaitu dalam kemahiran berkomunikasi secara berkesan dalam bahasa Inggeris, kerja berpasukan, berfikir secara analitikal, pemikiran strategik dan kemahiran bertulis.

Pada keseluruhannya, para pelajar didapati berpuas hati dengan program, pengalaman di universiti dan persediaan kerjaya pada masa hadapan masing-masing. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang perlu diberi tumpuan terutamanya sokongan dan bimbingan daripada staf akademik dan pihak universiti dalam perancangan kerjaya pelajar, serta penambakan dari segi kemudahan dan kebajikan pelajar.

PENUTUP

Hasil analisis min kemahiran menunjukkan tahap keupayaan pelajar adalah paling rendah dalam kemahiran berkomunikasi secara berkesan dalam bahasa Inggeris. Aras persepsi kemahiran tersebut pada umumnya lebih cenderung kepada neutral. Ini bermakna berdasarkan persepsi pelajar terhadap atribut kemahiran boleh-pindah, kemahiran berkomunikasi secara berkesan dalam bahasa Inggeris perlu diberi tumpuan yang sewajarnya oleh pelajar dan pihak universiti supaya mereka mampu bersaing di dalam dunia pekerjaan pada masa hadapan.

Dalam era teknologi kini, siswazah telah didedahkan dengan pelbagai maklumat tentang kerjaya menerusi pelbagai jenis media. Bagi mengenalpasti peluang-peluang ini, para pelajar terlebih dahulu perlu mengetahui kelebihan dan kekuatan diri dan kerjaya yang diminati supaya dapat membuat penilaian tentang pekerjaan yang sesuai bagi mereka. Oleh yang demikian, para pelajar perlu mendalami kemahiran perancangan kerjaya contohnya dengan menyertai program-program yang dianjurkan oleh pihak universiti, kursus-kursus yang ditawarkan oleh syarikat, atau melalui pembelajaran sendiri. Pihak universiti pada dasarnya perlu menentukan atribut-atribut yang diinginkan daripada seseorang siswazah. Siswazah pula perlu mempunyai kemahiran lain selain pengetahuan tentang disiplin masing-masing. Pihak universiti juga perlu mempertimbangkan untuk mengadakan modul bagi meningkatkan kemahiran boleh-pindah para pelajar prasiswazah di peringkat awal pengajian mereka dan sebagai persiapan ke arah menghadapi dunia pekerjaan.

RUJUKAN

- Berita Harian*. 2005. Siswazah disaran kuasai bahasa Inggeris dan komunikasi, 2 April: 4.
- Dickinson, M. 2000. Giving undergraduates managerial experience. *Education and Training* 42(3): 159-169.
- Falconer, S. & Pettigrew, M. 2003. Developing added value skills within an academic programme through work-based learning. *International Journal of Manpower* 24(1): 48-59.
- Fallows, S. & Steven, C. 2000a. Building employability skills into the higher education curriculum: an initiative. *Education & Training* 42(2): 75-82.
- Fallows, S. & Steven, C. 2000b. The skills agenda. Dlm. *Integrating key skills in higher education*, Fallows, S. & Steven, C. (pnyt). London: Kogan Page.
- Gush, J. 1996. Assessing the role of higher education in meeting the needs of the retail sector. *Education and Training* 38(9): 5-13.
- Holmes, L. 1995. Skills: A social perspective. Dlm. *Transferable Skills in Higher Education*, Assiter, A. (pnyt). London: Kogan Page.
- Jorgensen, H.C. 2004. Connecting work and education: should learning be useful, correct or meaningful. *The Journal of Workplace Learning* 16(8): 455-465.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2004. *Perangkaan Pendidikan 2004*.
- Khairina Yasin. 2004. Wujud program pendidikan menjurus kepada kerjaya. *Berita Harian*, 16 Julai: 12.
- Malhi, R.S. & Reasoner, R.W. 1996. *Enhancing personal qualities: empowering yourself to attain peak performance at work*. Kuala Lumpur: Self Esteem Seminars Sdn. Bhd.
- Malhotra, N. 2004. *Marketing Research*. Ed. ke-4. New Jersey: Pearson Education.
- Moy, J.W. & Lam, K.F. 2004. Selection criteria and the impact of personality on getting hired. *Personnel Review* 33(5): 521-535.
- Nabi, G.R. & Bagley, D. 1999. Graduates' perceptions of transferable personal skills and future career preparation in the UK. *Education & Training* 41(4): 184-193.
- New Straits Times*. 2004. Ensuring graduates meet needs of industry, 20 July.
- Nguyen, N.D., Yoshinari, Y. & Shigeji, M. 2005. University education and employment in Japan. *Quality Assurance in Education* 13(3): 202-218.
- O'Brien, K. 2000. Ability-based education. Dlm. *Integrating key skills in higher education*, Fallows, S. & Steven, C. (pnyt). London: Kogan Page.
- PPendidikan. 2000. *Pembangunan Pendidikan 2001-2010: Perancangan bersepadu penjana kecemerlangan pendidikan*.
- Quek, A.H. 2005. Learning for the workplace: a case study in graduate employees' generic competencies. *Journal of Workplace Learning* 17(4): 231-242.
- RRJP3. 2001. *Rangka Rancangan Jangka Panjang ke 3 2001-2010*. Unit Perancang Ekonomi.
- Raybould, J. & Sheedy, V. 2005. Are graduates equipped with the right skills in the employability stakes. *Industrial and Commercial Training* 37(5): 259-263.
- Stewart, J. & Knowles, V. 2000. Graduate recruitment and selection: implications for HE, graduates and small business recruiters. *Career Development International* 5(2): 65-80.

- The Star*. 2006a. 70% jobless grads from public varsities. 4 Julai.
- The Star*. 2006b. A boon for jobless grads. 6 Ogos: 2.
- Utusan Malaysia*. 2006. Latihan amali pelajar IPT dilanjut. 10 Dis: 1
- Weiten, W. 2002. *Psychology: Themes and variation*. Ed. ke-5. Thomson Learning.
- Wood, G.J. & Lindorff, M. 2001. Sex differences in explanation for career progress. *Women In Management Review* 16(4): 152-162.
- Yano, M. 1997. Higher education and employment. *Higher Education* 34(2): 199-214.

Pusat Pengajian Sains Matematik
Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor D.E
Malaysia

Diserahkan: 11 Januari 2007
Diterima : 15 Mac 2007